

SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 12/1998

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sukacita memaklumkan bahawa bagi menampung sara hidup dan gaji pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah termasuk orang-orang yang berpencen atau menerima elaun bantuan, mulai 1hb Julai 1998, **Elaun Sara Hidup** berikut akan dihulurkan kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, termasuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei, pekerja-pekerja bergaji hari dan open vote, pekerja-pekerja ambilan tempatan di misi-misi Negara Brunei Darussalam di luar negeri yang tidak menerima elaun sara hidup setempat kecuali pegawai-pegawai yang menerima gaji pokok melebihi \$6,800 sebulan dan pegawai-pegawai yang menerima elaun semasa berkhidmat atau mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Secara Penuh di luar negeri :


i.	Bahagian I	-	\$ 80 sebulan
ii.	Bahagian II	-	\$100 sebulan
iii.	Bahagian III	-	\$120 sebulan
iv.	Bahagian IV dan kebawah	-	\$140 sebulan

2. Walau bagaimanapun, Elaun Sara Hidup ini akan hanya dikeluarkan sebanyak **75% tiap-tiap bulan** dan bakinya akan disimpan oleh Kerajaan yang mana hasil pulangan simpanan ini akan diberikan pada tiap-tiap tahun mengikut kadar pulangan Tabung Amanah Pekerja. Tabung simpanan 25% pada tiap-tiap bulan daripada Elaun Sara Hidup ini adalah dihasratkan bagi kegunaan di hari tua dan hanya akan dikeluarkan apabila berpencen atau tamat berkhidmat dengan Kerajaan.

3. Cara pembayaran Elaun Sara Hidup ini ialah seperti berikut:

(a) Elaun Sara Hidup tidak akan diberikan kepada mereka yang bercuti tidak bergaji iaitu bagi jumlah hari ianya "cuti tidak bergaji".

(b) Bagi mereka yang bergaji hari yang mana mereka hadir bekerja tidak kurang dari 20 hari sebulan dan jika mereka tidak hadir bekerja kerana sakit dengan mendapat sijil cuti sakit dari doktor Kerajaan, mereka akan dapat menerima sebanyak 100% kadar Elaun Sara Hidup sebulan. Sebarang kehadiran yang kurang daripada 20 hari, pembayaran Elaun Sara Hidup adalah dibuat mengikut kiraan banyak hari mereka datang bekerja dalam sebulan yang mana pengiraannya dibuat berasaskan jumlah hari bekerja penuh menurut bulan-bulan tertentu.



(c) Bagi pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat iaitu mereka yang memulakan pekerjaan sebelum pertengahan bulan, mereka dibayar Elaun Sara Hidup yang penuh, akan tetapi jika mereka mula berkhidmat selepas 15 haribulan, mereka hanyalah dibayar sebanyak 50% daripada kadar Elaun Sara Hidup sebulan.

4. Elaun Sara Hidup berikut juga akan dihulurkan kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bersara dan menerima pencen bulanan mengikut Akta Pencen seperti kadar-kadar berikut:


- | | | | |
|------|---|---|-------------------|
| i. | Pencen bulanan \$1,000 kebawah | - | \$140 sebulan; |
| ii. | Pencen bulanan \$1,000 hingga \$2,000 kebawah | - | \$120 sebulan; |
| iii. | Pencen bulanan \$2,000 hingga \$3,000 kebawah | - | \$100 sebulan; |
| iv. | Pencen bulanan \$3,000 hingga \$4,000 kebawah | - | \$80 sebulan; dan |
| v. | Pencen bulanan melebihi \$4,000 | - | \$50 sebulan. |

5. Elaun Pencen Negara dan Bantuan Kebajikan juga akan dinaikkan yang mana antarlain kadarnya seperti berikut:

A. PENCEN DAN ELAUN

KADAR

	<u>Lama</u>	<u>Baru</u>
i. Umur Tua	\$150	\$200
ii. Buta, Kusta dan Orang Tidak Siuman	\$150	\$200
Tanggungan:		
Umur 15 Tahun dan Kebawah	\$ 75	\$ 90
15 Tahun ke atas	\$125	\$150
iii. Penyakit Hansen	\$150	\$200
iv. Cacat	\$150	\$200



B. BANTUAN-BANTUAN KEBAJIKAN

i.	Kepala Keluarga	\$150	\$200
ii	Isteri	\$ 80	\$200
iii.	Anak (tidak dihadkan bilangan anak)	\$ 65	\$ 65
iv.	Elaun Pelajaran Anak sehingga berumur 18 tahun	-	\$ 60

6. Pencen politik dinaikkan sebanyak \$140 sebulan dan elaun orang-orang bergelar dinaikkan diantara \$80 hingga 140 sebulan.

Sekianlah saja yang dapat disampaikan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

والسلام

“Sabar, Tabah dan Bersopan Santun Amalan Terpuji”

(DATO PADUKA HAJI HAZAIR HAJI ABDULLAH)
Setiausaha Tetap

Rujukan : 12/JPM/SK/98
Tarikh : 29 Rabiulawal 1419
23 Julai 1998